

10 tahun MSC Malaysia

Oleh LAUPA JUNUS
(WARTAWAN UTUSAN)

HARI ini genap 10 tahun kewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menjadi mercu tanda beranjaknya Malaysia kepada sebuah negara yang kekuatannya dipacu industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Sedekad kewujudan tentunya membawa makna tersendiri apabila kempen perluasan Koridor Raya Multimedia (MSC Malaysia) terus digerakkan dari satu kawasan ke satu kawasan.

Johor Bahru menjadi destinasi terbaru menerusi fasa kedua projek tersebut yang diasaskan pada 1996.

Dan sekali lagi, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi menegaskan, ICT bukan untuk golongan elit dan cendekia-wan semata-mata malah untuk rakyat.

Penggunaannya harus diperluaskan di segenap pelosok negara demi menghapuskan jurang digital antara bandar dan desa, demikian kata Perdana Menteri semasa melancarkan Pusat Siber MSC Malaysia @ Menara MSC Cyberport di Johor Bahru.

Dengan iltizam terbaru kerajaan itu, projek yang memakan masa selama 25 tahun untuk dilengkapkan itu tentulah menjadi penggerak penting pembangunan negara menjelang 2020.

Kerajaan juga telah menyuntik sesuatu yang baru dalam projek tersebut bermula dengan penukaran namanya yang diubah menjadi Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) pada April lalu.


Penjenamaan semula itu memberi petanda, usaha kerajaan memperkasa projek berkenaan supaya ia mampu bersaing ke peringkat global.

Projek tiga fasa (1996-2020) ini telah memasuki Fasa II (2004-2010) yang merupakan fasa penting bagi menghubungkan MSC dengan bandar-bandar siber di negara ini dan juga ke seluruh dunia.

Sebelum penubuhannya, perkembangan ICT dalam negara masih belum begitu memberangsangkan selain kesedaran rakyat kepada ICT yang masih rendah.

Pada 1996, terdapat kurang daripada 300 syarikat ICT di negara ini dan jumlah itu meningkat kepada 3,400 buah 10 tahun kemudian manakala sektor ICT mengalami pertumbuhan 17 peratus lebih tinggi daripada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun lepas.

Bilangan pengguna komputer peribadi pula melonjak daripada 888,000 orang kepada 4.2 juta orang sekarang manakala



kadar penembusan Internet pada 1998 hanya 1.8 peratus daripada bilangan penduduk negara berbanding hampir 40 peratus hari ini.

Hari ini, daripada 3,400 syarikat ICT, 1,306 adalah berstatus MSC dan syarikat-syarikat berstatus MSC itu memperoleh pendapatan sebanyak RM7.21 bilion pada 2004 dengan RM1.57 bilion adalah daripada hasil eksport.

Pada hari ini, jumlah pelajar yang mengambil program pengajian berkaitan ICT pula mencecah 37,000 orang berbanding pada 1995 iaitu hanya 3,700 orang manakala pelanggan Internet meningkat pantas kepada 3.1 juta pada 2005 berbanding 90,000 pada 1996.

Pencapaian lain yang tidak kurang hebatnya ialah Malaysia telah dikenal pasti sebagai destinasi ketiga terbaik di dunia, di belakang India dan China, bagi perkhidmatan perkongsian dan pemerolehan sumber luar.

Di sebalik kejayaan-kejayaan itu, perkara yang lebih penting ialah bagaimana menyalurkan kemudahan-kemudahan ICT tersebut ke luar bandar supaya segenap lapisan masyarakat di negara ini mendapat nikmat daripadanya.

Rakyat mungkin bertanya, apakah faedah yang mereka boleh kutip hanya kerana kita memiliki MSC dan Cyberjaya.

Semasa melancarkan Fasa Kedua MSC atau Lonjakan Seterusnya pada 3 Julai 2004 bertemakan *My Malaysia, MyMSC* Perdana Menteri menegaskan, tumpuan kini beralih kepada bagaimana ICT membantu bidang pendidikan, kesihatan dan bioteknologi.

Kempen tersebut juga akan memberi fokus kepada penubuhan bandar-bandar siber dan Cybercentre di lokasi negeri-negeri yang sesuai dan ini akan berfungsi sebagai nukleus untuk membantu pertumbuhan ICT dan industri berasaskan pengetahuan, sekali gus mengurangkan jurang digital.

Pewujudan lebih banyak bandar-bandar siber selain yang sedia ada di Taman Teknologi Tinggi Kulim dan Pulau Pinang dan Cybercentre di KL Sentral, Melaka dan Johor Bahru membuktikan agenda



UNIVERSITI Multimedia menjadi mercu tanda di Cyberjaya.

MSC telah diperluaskan hingga ke luar Cyberjaya.

Kempen perluasan tersebut merangkumi sehingga ke fasa ketiga sehingga 2020 dan Cyberjaya akan kekal sebagai hab ICT kebangsaan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pula, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM12.9 bilion memajukan bidang ICT yang boleh merancakkan lagi sektor ICT negara ke arah Wawasan 2020.

Usia 10 tahun, MSC pada tahun ini juga dianggap signifikan selepas kerajaan mengumumkan komitmen untuk memanfaatkan ICT dalam bioteknologi bagi memajukan bidang pertanian, satu gagasan baru bagi menjaga kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Terbaru, tumpuan akan diberi kepada usaha menjana industri kandungan kreatif bagi melahirkan lebih ramai usahawan ICT menerusi syarikat-syarikat kecil bumiputera.

Dalam RMK-9, industri kandungan multimedia kreatif yang merangkumi beberapa elemen termasuk pendidikan berasaskan hiburan, televisyen interaktif, animasi komputer kreatif, permainan digital, aplikasi dan perkhidmatan mudah alih, penerbitan digital dan arkib digital telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai satu sumber pertumbuhan baru.

Inisiatif ini bertujuan membangunkan industri kandungan multimedia kreatif dan kelompok kandungan yang akan menyokong penjana pertumbuhan ekono-

mi serta memacu penciptaan teknologi dan kandungan digital baru.

Malaysia berpotensi untuk meraih sekurang-kurangnya satu atau dua peratus daripada nilai pasaran global RM2.6 bilion dalam industri multimedia kreatif menjelang tiga tahun akan datang dengan tumpuan kepada pemerolehan sumber luar dan meneroka pasaran luar negeri dengan peruntukan RM150 juta.

Penubuhan Cybercentre di lokasi-lokasi terpilih adalah antara langkah menggalakkan lebih banyak usahawan-usahawan dalam bidang ini supaya mereka boleh beroperasi di kawasan tersebut tanpa perlu modal yang besar.

MDEC sendiri telah memulakan usaha ini dengan mewujudkan Inisiatif Kandungan Multimedia Kreatif MSC (MCM-MCI) yang menumpukan usaha membawa industri berkaitan untuk mempromosi pertumbuhan industri terbabit.

Program ini juga membantu merapatkan jurang digital selain menggalakkan penggunaan teknologi serta melahirkan lebih banyak usahawan-usahawan baru serta pewujudan lebih banyak harta intelek (IP).

Dalam tempoh 10 tahun ini, terlalu banyak pencapaian yang dinikmati oleh industri ICT negara dengan penubuhan MSC Malaysia.

Kita akan menunggu kejayaan-kejayaan seterusnya, tetapi yang penting bagaimana nelayan dan petani juga memperoleh faedah daripadanya.